

HARI : SABTU
TARIKH : 1/2/2020
M/SURAT : 22A

Batal lesen

Sungai Golok: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen syarikat pembungkusan yang didapati menyeludup barang subsidi ke negara jiran.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tindakan itu berikutan kerajaan mahu memastikan subsidi hanya dinikmati rakyat Malaysia.

Katanya, tinjauan di pasar Sungai Golok, semalam turut menemui tepung gandum dan minyak masak dijual, sekali gus menyaksikan kebocoran bairagan

subsidi.

"Ini lawatan kedua saya ke Sungai Golok kerana kita sedia maklum kerajaan menghadapi kebocoran rentas sempadan dan industri. Malah, kegiatan penyeludupan membabitkan barang subsidi bukan perkara baharu sebaliknya sejak sekian lama.

"Apa yang saya lihat memberi input penting kepada KPDNHEP sebelum memperincikan masalah yang berlaku dalam usaha mencari jalan penyelesaian.

"Kami juga akan mengambil tindakan tegas termasuk menarik lesen syarikat pembungkusan," katanya.